

MB gesa parti- komponen BN pereratkan kerjasama

LENGGUNG, Khamis — Menteri Besar Perak, Encik Ramli Ngah Talib, menyeru parti-parti komponen Barisan Nasional menghapuskan segala perselisihan dan masalah antara mereka untuk menumpukan sepenuh tenaga dalam menentukan kejayaan calon BN dalam pilihanraya kecil Kenering.

Katanya, apa yang perlu kini ialah kerjasama erat antara parti-parti komponen untuk menyelaraskan usaha-usaha BN sehingga mencapai kemenangan besar dalam pilihanraya itu.

Bercakap di perjumpaan dengan penduduk-penduduk Air Kala, kira-kira 9.6 km dari sini, semalam, beliau menegaskan:

"Kita bukan sahaja mengharapkan kemenangan calon BN tetapi berharap akan memperolehi kemenangan dengan majoriti undi yang lebih besar.

"Untuk mencapai hasrat ini, parti komponen BN harus berganding bahu dan bekerjasama dengan mengenenepikan perkara-perkara kecil yang timbul antara mereka."

Katanya, kemenangan cemerlang yang dicapai oleh BN akan memberi semangat kepada wakil-wakil rakyat untuk bekerja keras, demi kepentingan rakyat

keseluruhannya.

Beliau juga menegaskan, adalah menjadi tanggungjawab semua golongan untuk mempertahankan kerajaan yang memerintah sekarang dari sebarang anasir yang boleh memecah-belahkan negara.

Katanya, dengan adanya demokrasi dan keadilan di negara ini, rakyat boleh pergi ke mana-mana dengan bebas untuk mencari rezeki.

Encik Ramli juga berkata, Kerajaan Negeri sedang mengkaji kemungkinan menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) di kampung-kampung baharu.